

sains

KERATAN AKHBAR

12&13 JANUARI 2022

(RABU&KHAMIS)

**NEW
STRAITS TIMES**

Star The people's paper
Kosmo! SAURA KONTEMPORARI

Utusan Penyeler fikiran rakyat
MALAYSIA

Sinar suara aknna komuniti anda
harian

astro
AWANI

malaysiakini
terkini untuk anda

NOGORI KITO

BERNAMA

facebook

**THE EDGE
MARKETS**
MAKE BETTER DECISIONS

Sun

**FMT
news**
FREE AND INDEPENDENT

星洲日報
SIN CHEW DAILY
NANYANG SIANG PAU

南洋商報
CHINA PRESS
CHINESE PRESS

中國報
CHINA MAIL
CHINESE MAIL



Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun (tengah) meninjau lokasi Taman Eko Rimba Jeram Toi yang rosak teruk akibat tanah runtuh dan banjir baru-baru ini.

Kerja baik pulih lokasi terjejas banjir di Negeri Sembilan lancar

SEREMBAN: Kerja-kerja membaik pulih beberapa kawasan di Negeri Sembilan yang terjejas akibat tanah runtuh dan banjir baru-baru ini giat dilaksanakan oleh jabatan dan agensi berkaitan.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata kawasan yang paling teruk terjejas ialah di Gunung Berembun di sini, Gunung Telapak Buruk dan Taman Eko Rimba Jeram Toi di Jelebu.

Katanya, jalan perhubungan ke menara telekomunikasi di puncak Gunung Telapak Buruk masih tidak dapat dilalui kenderaan berikutan tanah runtuh, namun kerja-kerja pembaikan ketika ini berjalan dengan baik dan lebih 60 peratus daripada runtuhan itu berjaya diselesaikan.

"Mengenai situasi Taman Eko Rimba Jeram Toi yang sebelum ini rosak teruk akibat air deras yang melalui jeram itu, kerosakan yang berlaku adalah ekstensif di mana membawa kepada perubahan muka bumi jeram berkenaan.

"Kerajaan negeri sedang berusaha bagi memastikan jeram ini boleh dibuka untuk orang ramai pada masa akan datang, namun akan berdasarkan kepada beberapa faktor yang akan dipertimbangkan terutama dari aspek keselamatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat beberapa lokasi terjejas banjir dan tanah runtuh di sini, petang semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Saleh Awaludin; Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sembilan, Wan Hasnan Wan Musa dan Pengarah Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Wan Rasdi Wan Ismail.

Sebelum ini, Saleh memaklumkan, Taman Eko Rimba Jeram Toi mengalami kemusnahan paling teruk termasuk runtuhan beberapa infrastruktur dan memerlukan masa lama untuk dibaik pulih.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, Loji Rawatan Air (LRA) Pantai di sini, masih memerlukan masa untuk kembali beroperasi.

Katanya, pihak SAINS sedang bekerja keras melakukan pembaikan bagi membolehkan ia beroperasi secepat mungkin.



森水务公司取缔行动 揭独立洋房非法偷水

2022年1月12日 897点阅

(芙蓉12日讯) 兴建中的独立式洋房涉嫌非法接驳水管偷水，被执法单位当场截断供水！

森州水务公司与国家水务委员会 (SPAN) 是于今午2时，到文丁地区，联手取缔疑涉及偷水的独立式洋房。

此次取缔行动是由国家水务委员会调查及执法组官员莫哈末纳吉，带领森州水务公司执法组人员展开。



国家水务委员会官员及森州水务公司职员，正从非法驳接水管流出的食水取水做检测。

根据森州水务公司的文告指出，兴建中的独立式洋房业主被发现非法驳接直径16毫米的塑料水管偷水，作为建筑工地的洗涤用途。

执法人员检验水管流出水源的氯，证明是森州水务公司提供的过滤水，因此森州水务公司所有驳接水管作为证据。

森州水务公司援引2006年水供服务工业法令第123条文展开调查，一旦罪成可被罚款10万令吉或监禁不超过1年或两者兼施。

森州水务公司将继续监督及取缔森州的偷水活动，任何人若发现有偷水活动
可致电 1-800-88-6982

SEREMBAN - 12 JANUARI 2022

Tindakan kontraktor menggunakan air milik Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) secara haram bagi kerja pembinaan banglo dua tingkat di Mantin, dekat sini, berjaya dikesan petang semalam.

Susulan itu, serbuan dilakukan pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Muhammad Naqib Aniq Abdul Kahar bersama anggota penguat kuasa SAINS di lokasi terbabit.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Sains, Norzita Ismail berkata, operasi serbuan dilakukan jam 2 petang sebaik menerima maklumat mengenai kegiatan kontraktor berkenaan.

"Hasil siasatan di tapak mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 16 milimeter (mm) tanpa melalui sebarang meter.



Kakitangan SAINS dan SPAN memeriksa sambungan air dilakukan kontraktor dipercaya mencuri air terawat SAINS untuk kerja membina banglo di Mantin.

Kontraktor 'kantoi' curi air SAINS bina banglo

SEREMBAN: Tindakan kontraktor menggunakan air milik Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) secara haram bagi kerja pembinaan banglo dua tingkat di Mantin, dekat sini, berjaya dikesan petang semalam.

Susulan itu, serbuan dilakukan pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Muhammad Naqib Aniq Abdul Kahar bersama anggota penguat kuasa SAINS di lokasi terbabit.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Sains, Norzita Ismail berkata, operasi serbuan dilakukan jam 2 petang sebaik menerima maklumat mengenai kegiatan kontraktor berkenaan.

"Hasil siasatan di tapak mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 16 milimeter (mm) tanpa melalui sebarang meter.

"Bekalan air melalui sambungan tidak sah itu digunakan untuk kerja pembinaan premis berkenaan.

"Pegawai penguat kuasa SAINS turut menjalankan ujian klorin di lokasi berkenaan dan terbukti bekalan air digunakan adalah air terawat milik SAINS dan pihak SPAN menyata semua pemasangan serta punca sambungan dibuat sebagai bahan bukti," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 123 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan sekiranya disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Katanya, SAINS mengingatkan semua pihak tidak melakukan perbuatan mencuri air kerana ia menyalahi undang-undang dan boleh menjelaskan kepentingan pengguna.

Beliau mengucapkan terima kasih di atas bantuan dan kesedaran masyarakat membantu SAINS dalam usaha mengurangkan kes kecurian air dan orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol SAINS 1-800-88-6982 untuk melaporkan sebarang kes mencuri air.

Bina banglo, curi air

Seremban: Tindakan kontraktor menggunakan air milik Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) secara haram bagi kerja pembinaan banglo dua tingkat di Mantin, dekat sini, berjaya dikesan petang semalam.

Susulan itu, serbuan dilakukan pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Muhammad Naqib Aniq Abdul Kahar bersama anggota penguat kuasa SAINS di lokasi terbabit.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Sains, Norzita Ismail berkata, operasi serbuan dilakukan jam 2 petang sebaik menerima maklumat mengenai kegiatan kontraktor berkenaan.

"Hasil siasatan di tapak mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 16 milimeter (mm) tanpa melalui sebarang meter.

"Bekalan air melalui sambungan tidak sah itu digunakan untuk kerja-kerja pembinaan premis berkenaan.

"Pegawai penguat kuasa SAINS turut menjalankan ujian klorin di lokasi berkenaan dan terbukti bekalan air yang digunakan adalah air terawat milik SAINS dan pihak SPAN menyita semua pepasangan serta punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 123 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan sekiranya disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Menurutnya, pihaknya mengingatkan semua pihak agar tidak melakukan perbuatan mencuri air milik SAINS kerana ia menyalahi undang-undang dan boleh menjelaskan kepentingan pengguna.

"SAINS akan terus mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh Negeri Sembilan sama ada membabitkan pengguna komersial mahupun domestik.

"Tindakan tegas itu diambil untuk menjaga kepentingan pengguna dalam usaha mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW)," katanya.

Beliau mengucapkan terima kasih di atas bantuan dan kesedaran masyarakat bersama-sama membantu SAINS dalam usaha mengurangkan kes kecurian air di negeri ini dan orang ramai yang mempunyai maklumat atau ingin melaporkan sebarang kes berkenaan boleh menghubungi talian bebas tol SAINS 1-800-88-6982.



Disiarkan pada: Januari 13, 2022 @ 10:23am

**NEW
STRAITS TIMES**

**Utusan
Malaysia**

Star The people's paper
Kosmo! SUARA KONTemporari

Met Malaysian Express

terkini untuk anda

BERNAMA

SIN CHEW DAILY

NANYANG SIANG PAU

國報
CHINA PRESS

malaymail